



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 21 / 2021

PROSES MENGUNDI AWAL BAGI
PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI
(PRU DUN) MELAKA KE-15
PADA 16 NOVEMBER 2021

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa seramai **11,557 orang pengundi** akan mengundi awal pada **16 November 2021 (Selasa)** bertempat di **24 Pusat Mengundi Awal** bagi PRU DUN Melaka ke-15. Bagi tujuan ini, Pusat Pengundian Awal akan dibuka mulai jam **8.00 pagi**. Jumlah pengundi awal ini terdiri daripada **9,217 anggota tentera dan pasangan** serta **2,340 anggota polis**.
2. Sepanjang proses undi awal ini, pematuhan kepada Garis Panduan Pencegahan Covid-19 di bawah Pelan Pemulihan Negara yang berkuatkuasa seperti penjarakan fizikal, amalan pemakaian pelitup muka, penggunaan pensanitasi tangan, saringan suhu badan dan merekodkan kehadiran akan dilaksanakan.
3. Proses pengundian awal ini akan disaksikan oleh ejen-ejen calon yang bertanding. Di samping itu, SPR akan menyiarkan proses pengundian ini secara *live streaming* menerusi *Facebook* SPR.

4. Kesemua peti undi bagi pengundian awal akan disimpan di **lokap-lokap balai polis**. Kertas-kertas undi tersebut hanya akan dikira pada **20 November 2021, bermula jam 4.00 petang**. Pengiraan kertas undi akan dijalankan di tempat pengiraan undi yang ditetapkan SPR dan urusan pengiraan undi akan disaksikan oleh ejen-ejen calon masing-masing.

Sekian.

DATUK IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

15 November 2021 / 10 Rabiulakhir 1443H